

**TEKS KETUA PESURUHJAYA SPRM  
MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH  
LEMBAGA PENGARAH UITM DAN ANAK SYARIKAT UITM**

**26 APRIL 2022**

---

**SALUTASI**

- YBhg. Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr Ibrahim Shah Abu Shah, Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM,
- YBhg Datuk Seri Norazlan bin Mohd Razali, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM,
- YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor UiTM,
- YBhg. Datuk Razim Mohd Noor, Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM,
- Ahli-ahli Lembaga Pengarah UiTM,
- Ahli Lembaga Pengarah anak syarikat UiTM,
- Barisan kepimpinan UiTM, dan
- Semua hadirin yang saya muliakan.

*Assalamualaikum wbt dan salam perangi rasuah,*

## **PENDAHULUAN**

1. Pertama sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri dan semua kepimpinan UiTM serta anak syarikat UiTM kerana mengadakan Majlis Ikrar Bebas Rasuah atau IBR pada hari ini.
2. Seperti mana sedia maklum, ini bukan kali pertama UiTM melaksanakan IBR. Sejak tahun 2017, Majlis IBR dibuat melibatkan semua pusat tanggungjawab UiTM.
3. Kesungguhan yang ditunjukkan oleh UiTM dalam usaha pencegahan rasuah wajar dipuji dan menjadi contoh kepada organisasi lain. Kita semua sedia maklum, usaha-usaha berkaitan integriti dan pencegahan rasuah bukan sahaja perlu dilaksanakan, tetapi mesti **dilihat** dilaksanakan.
4. Tahniah sekali lagi kepada seluruh kepimpinan UiTM.

*YBhg. Tan Sri, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan,*

## **IKRAR BEBAS RASUAH**

5. Untuk makluman Yang Berbahagia Tan Sri, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan, sejak diperkenalkan pada tahun 2017, sebanyak 1,750 majlis IBR telah diadakan. Pada tahun ini sahaja, 54 agensi telah mengadakan majlis IBR.
6. IBR merupakan penzahiran komitmen kepimpinan sesebuah organisasi. Perkara ini amat penting bagi menunjukkan **pendirian**

pengurusan tertinggi organisasi berkaitan integriti, tadbir urus baik dan pencegahan rasuah.

7. Saya ingin menegaskan di sini bahawa, teladan daripada kepimpinan atau '*tone at the top*' adalah penting. Namun, yang lebih penting adalah tindakan daripada kepimpinan atau '*action from the top*'.
8. Dengan kata lain, kepimpinan organisasi bukan hanya menetapkan tona dan iklim organisasi, tetapi komited melaksanakan tindakan sewajarnya bagi memastikan pembudayaan integriti dan tadbir urus baik dalam organisasi. *Action speaks louder than words.*
9. Saya percaya, program IBR pada hari ini bukan bersifat *one-off* atau kosmetik semata-mata. Tetapi, disusuli dan diperkasakan dengan pelbagai tindakan oleh pengurusan tertinggi UiTM bagi meningkatkan integriti warga institusi ini.
10. Saya tekankan perkara ini kerana terdapat beberapa kes yang mana, janji-janji dalam IBR telah dimungkiri. Walaupun telah melafazkan IBR, individu terbabit ditangkap SPRM kerana melakukan rasuah.
11. Perkara ini sesuatu yang memalukan. Seolah-olah, IBR hanya '*wayang*' untuk pertunjukan sahaja. Janji untuk mencegah rasuah hanya di mulut, tidak sampai ke hati sanubari.

*YBhg. Tan Sri, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan,*

## **KEPENTINGAN PENDIDIKAN**

---

12. Saya memetik ucapan menarik oleh Presiden India ke-11, Dr Avul Pakir Jainulabdeen Abdul Kalam. Beliau berkata, "*If a country is to be corruption free and become a nation of beautiful minds, I strongly feel there are three key societal members who can make a difference. They are the father, the mother and the teacher.*" Ucapan ini jelas menunjukkan betapa pentingnya peranan warga pendidik dalam membentuk negara yang bebas rasuah.
13. Sebagai institut pengajian tinggi terbesar di Malaysia dari segi saiz, bilangan kampus dan populasi pelajar, UiTM mempunyai peranan penting dalam membangunkan intelektual dan tenaga kerja di negara ini. Malah, masa depan kepimpinan negara boleh dipengaruhi oleh hampir 200,000 pelajar UiTM yang akan mengundi dalam pilihan raya akan datang.
14. Membentuk pelajar berintegriti sudah tentu bermula daripada ekosistem warga universiti itu sendiri. Oleh itu, adalah amat kritikal agar semua tenaga kerja UiTM mempunyai tahap integriti yang tinggi. Demi memastikan tenaga kerja yang bakal dilahirkan bukan hanya profesional, tetapi **profesional berintegriti** yang menolak segala bentuk penyelewengan, rasuah dan salah guna kuasa.

*YBhg. Tan Sri, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan,*

### **PELAKSANAAN INISIATIF UITM**

15. Penginstitusian integriti bukan satu kerja yang mudah. Usaha ini memerlukan komitmen besar daripada seluruh warga UiTM. Pengurusan sesebuah organisasi sewajarnya melabur wang, masa dan tenaga yang mencukupi untuk usaha ini.

16. Penginstitusian integriti bukan sahaja mampu meningkatkan imej UiTM, tetapi mengelakkan perbuatan atau skandal yang boleh menjatuhkan reputasi dan merugikan organisasi ini pada masa akan datang. Pelaburan dalam tadbir urus baik mungkin agak mahal, tetapi percayalah, pulangan kepada pelaburan ini sudah pasti amat berbaloi.
17. Saya dapati, kepimpinan UiTM telah melaksanakan beberapa inisiatif yang baik ke arah meningkatkan tadbir urus dan pencegahan rasuah. Langkah yang paling utama adalah menuju Unit Integriti yang berkesan dalam menterjemahkan komitmen pengurusan tertinggi UiTM dalam pencegahan rasuah dan agenda pembudayaan integriti.
18. Antara inisiatif yang menarik adalah Pekeliling Naib Canselor berkaitan kewajipan staf untuk melapor transaksi penyogokan kepada Unit Integriti dan SPRM; Arahan Naib Canselor yang meminta pembekal membuat laporan kepada Unit Integriti sekiranya staf UiTM cuba meminta suapan daripada mereka; kewajipan Lembaga Pengarah untuk mengistiharkan kepentingan dalam mesyuarat rasmi UiTM; dan hebahan mesej integriti dan antirasuah dari semasa ke semasa.
19. Inisiatif terbaru iaitu pelaksanaan program bersiri pengukuhan integriti dan pencegahan rasuah melibatkan ahli Lembaga Pengarah UiTM dan anak syarikat juga amat baik.
20. Selain itu, saya juga difahamkan UiTM akan menawarkan Kursus Integriti dan Antirasuah atau KIAR di semua 35 kampus UiTM. **6** daripada kampus UiTM telah menawarkan KIAR pada semester ini.

Perkara ini adalah selaras dengan keputusan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah atau JKCMAR pada 19 April 2021 yang bersetuju agar KIAR ditawarkan di semua IPT sebagai kursus elektif mulai tahun 2021, seterusnya menjadi kursus wajib mulai 2023.

21. Komitmen, usaha dan inisiatif ini mesti berterusan, menyeluruh, dapat dilihat dan dirasai oleh semua warga UITM.
22. Penting juga untuk saya ingatkan bahawa semua polisi, strategi dan inisiatif pencegahan rasuah wajar diuji dari semasa ke semasa untuk mengesahkan keberkesanannya.
23. Penambahbaikan dan pengukuhan adalah amat perlu bagi memastikan polisi, strategi dan inisiatif tersebut kekal relevan dengan peredaran masa dan kehendak terkini.

*YBhg. Tan Sri, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan,*

### **STATISTIK SEKTOR PENGAJIAN TINGGI**

24. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk berkongsi statistik SPRM berkaitan sektor pengajian tinggi. Melalui maklumat ini, kita semua boleh memahami risiko warga pendidik dalam jenayah rasuah dan salah guna kuasa. Statistik yang akan saya kongsikan ini merangkumi Kementerian Pengajian Tinggi, institut pendidikan tinggi awam dan institut pendidikan tinggi swasta.
25. Dari tahun 2017 hingga Mac 2022, SPRM menerima 1,260 maklumat berkaitan sektor pengajian tinggi. Sebanyak 145 Kertas

Siasatan dibuka dan 125 individu ditangkap. Seterusnya, 52 individu didakwa di mahkamah.

26. Warga sektor pengajian tinggi perlu berhati-hati dengan kesalahan salah guna kuasa. Ini kerana, daripada 125 tangkapan, 66 individu atau 53% ditangkap kerana kesalahan ini. Secara mudahnya, kesalahan ini bermaksud seseorang pegawai awam menggunakan kedudukan atau kuasanya untuk memberi projek atau apa-apa faedah kepada diri sendiri atau saudaranya.
27. Selain tangkapan kerana salah guna kuasa, 28 individu atau 22% ditangkap kerana menerima rasuah, 26 individu atau 21% ditangkap kerana membuat tuntutan palsu.

*YBhg. Tan Sri, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan,*

28. Kesimpulan daripada semua statistik ini, saya ingin memberi tiga peringatan berikut:
29. Pertama, berhati-hati dengan kedudukan atau jawatan anda. Jangan sesekali gunakan kedudukan, jawatan atau kuasa anda untuk mendapatkan projek kepada ahli keluarga ataupun kepada anda sendiri. Warga UiTM berisiko tinggi dengan kesalahan ini.
30. Kedua, tolak tawaran rasuah dengan tegas daripada mana-mana pihak untuk apa-apa tujuan sekalipun. Harus diingat bahawa, maruah warga UiTM bukan untuk dijual beli.
31. Ketiga, berhati-hati dengan tuntutan yang tidak benar atau palsu. Pastikan apa yang dituntut oleh syarikat adalah sama dengan

pembekalan yang telah dibuat. Jangan berkompromi sekiranya syarikat cuba membekal peralatan yang substandard dan tidak menepati spesifikasi.

32. Sebenarnya individu yang tidak berintegriti ada di mana-mana. Sebagai manusia, kita semua tidak terlepas dengan kesilapan dan kesalahan. Namun, apa yang lebih utama adalah tindakan pencegahan dan tindakan pembetulan yang dilaksanakan oleh pengurusan organisasi.

*YBhg. Tan Sri, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan,*

### **KERJASAMA SPRM-UiTOM**

33. Sebagai agensi utama dalam pencegahan rasuah, SPRM komited untuk melaksanakan tindakan penguatkuasaan, pencegahan dan pendidikan bagi membanteras segala bentuk rasuah dan penyalahgunaan kuasa.
34. Tindakan penguatkuasaan adalah tindakan punitif apabila perbuatan rasuah dan salah guna dikesan berlaku. Manakala tindakan pencegahan dan pendidikan bertujuan bagi mengelakkan jenayah berlaku pada masa akan datang.
35. SPRM sentiasa mengalu-alukan kerjasama dengan UiTM dalam melaksanakan program pendidikan antirasuah kepada warga UiTM di semua peringkat.

36. Kejayaan program pembudayaan integriti dalam sesebuah organisasi bergantung pada 2 faktor utama iaitu, program yang konsisten dan menyeluruh.
  
37. Dengan kata lain, pertama, momentum pelaksanaan program berkaitan integriti, tadbir urus dan antirasuah hendaklah berterusan dan tidak boleh bersifat bermusim. Kedua, semua peringkat organisasi perlu dilibatkan sama ada pengurusan tertinggi, pengurusan pertengahan dan kumpulan pelaksana.

*YBhg. Tan Sri, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan,*

## **PENUTUP**

38. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ucapkan syabas kepada pengurusan tertinggi UiTM atas pelaksanaan majlis IBR pada hari ini. Syabas juga kerana telah melaksanakan banyak inisiatif pembudayaan integriti di peringkat UiTM.
  
39. Semoga seluruh warga UITM akan terus melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan dan memberi perkhidmatan cemerlang berpaksikan integriti dalam melaksanakan tugas. *Insyaallah, kita bersama-sama menyumbang ke arah negara Malaysia yang bebas rasuah.*
  
40. Saya akhiri ucapan saya dengan memetik satu hadis riwayat Muslim berbunyi, "Daripada Abu Sa'id al Khudri RA berkata, aku mendengar Nabi SAW bersabda - *Barangsiaapa di antara kamu yang melihat kemungkaran, hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya. Apabila dia tidak mampu, maka dengan lisannya. Dan*

*apabila dia tidak mampu lagi, maka dengan hatinya. Sesungguhnya itu adalah selemah-lemah iman.”*

41. Sama-sama kita mendoakan agar usaha baik kita dalam memerangi rasuah dan salah guna kuasa dapat mengangkat nama negara sebagai negara contoh bebas rasuah.

Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*

**TAN SRI DATO' SRI HAJI AZAM BIN BAKI**

Ketua Pesuruhjaya

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

26 April 2022